

01/08/1998

Buku: Anwar dapat injunksi

KUALA LUMPUR, Jumaat - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mendapat perintah menghalang penulis Khalid Jafri dan penerbit buku 50 Dalil Kenapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM daripada terus memfitnahnya, berkuatkuasa hari ini hingga mahkamah memutuskan kes saman malunya.

Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Mohd Noor Ahmad yang membenarkan permohonan Anwar, memerintahkan perintah menghalang itu terpakai ke atas Khairuddin Abu Hassan yang terbabit dalam penerbitan dan pengedaran buku berkenaan.

Sehubungan itu, mahkamah menolak permohonan Khalid dan pemilik Media Pulau Lagenda, Rozihan Abdul Ghani (defendan) untuk mengetepikan perintah menghalang sementara yang diperolehi Anwar pada 23 Jun lalu.

Mohd Noor berkata, buku itu adalah tulisan surat layang panjang dan dijadikan buku bertujuan menyerang keperibadian Anwar serta melagakan Timbalan Perdana Menteri dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; pemimpin kerajaan dan tokoh veteran Umno.

Menurutnya, plaintif berjaya membuktikan terdapat perkara serius yang perlu dibicarakan terutama sama ada tujuan utama penerbitan buku dan pakatan jahat itu untuk menjatuhkan Timbalan Presiden Umno.

"Berdasarkan kenyataan fitnah itu, jika perintah menghalang tidak diberi kepada plaintif yang kini memegang jawatan tinggi dalam kerajaan dan parti politik, kecederaan yang dialaminya tidak boleh dibayar dengan wang.

"Bagaimanapun, mahkamah berpendapat jika perintah itu memudaratkan defendan, plaintif mampu untuk membayar ganti rugi kepada defendan," katanya.

Mohd Noor membacakan penghakiman bertulis 23 muka surat itu dalam mahkamah yang penuh sesak dengan penyokong Anwar dan defendan.

Anwar tidak hadir ketika keputusan dibacakan tetapi kedua-dua defendan hadir.

(END)